

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Ubat, mekanisme tertentu tangani kesan alahan vaksin

Kuala Lumpur: Sebarang kesan alahan termasuk kejutan anafilaksis, berikutan pengambilan vaksin COVID-19, berupaya ditangani menerusi ubat dan mekanisme tertentu.

Kejutan anafilaksis berlaku apabila seseorang terdedah kepada makanan, ubat-ubatan, racun serangga dan lateks sehingga menyebabkan saluran pernafasan membengkak serta tekanan darah tiba-tiba merudum.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan (KKM), Dr M Vickneshwaran, berkata kakitangan terlatih yang ditempatkan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) akan melaksanakan rantalan proses tertentu ketika suntikan pelalian diberikan.

Katanya, ia merangkumi pendaftaran, penilaian risiko, suntikan vaksin dan pemerhatian untuk mengesan sebarang kesan sampingan terhadap penerima.

"Kesan alahan, termasuk kejutan anafilaksis berikutan pengambilan vaksin akan segera berlaku, ia bukan hanya tercetus selepas beberapa hari.

"Ketika berada di PPV, kakitangan terlatih akan melihat semua kesan ini dan kita ada mekanisme untuk mengesan sebarang kesan sampingan atau alahan, malah mempunyai cara bagi menanganinya.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana menerusi simulasi yang dijalankan, kita sudah jangka perkara ini dan mempunyai pelan berkaitan, bagi mengendalikan sebarang isu berbangkit," katanya pada program Selamat Pagi Malaysia, semalam.

Bersandarkan fungsi sistem badan manusia, Dr Vickneshwaran berkata, penerima vaksin akan mengalami tindak balas tertentu selepas menerima suntikan.

Beliau berkata, ia antara lain merangkumi peningkatan suhu badan atau demam dan bengkak pada tempat suntikan, susulan tindak balas sistem pertahanan badan.

"Ini bukan kesan sampingan yang salah. Sebaliknya, memang dijangka untuk dialami penerima suntikan vaksin. Kita akan pantau semuanya menerusi aplikasi MySejahtera," katanya.

Dr Vickneshwaran berkata, pengambilan suntikan vaksin COVID-19 tidak diwajibkan kerana pengambilan berteraskan prinsip sukarela seperti digariskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Katanya, individu yang layak dan boleh menerima suntikan vaksin tetapi tidak mengambil peluang itu mungkin berdepan kelangan tertentu pada masa akan datang.

Penularan COVID-19

KKM akan mula guna ujian persampelan air liur

Kaedah dengan spesifisiti 100 peratus dilaksana di hospital kerajaan dahulu

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memulakan ujian COVID-19 menggunakan persampelan air liur dari kerongkong (*deep throat saliva*) di beberapa hospital kerajaan dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata berdasarkan penilaian Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), kaedah itu mempunyai sensitiviti sebanyak 96.67 peratus dan ketepatan iaitu spesifisiti 100 peratus.

Selain itu, katanya, kaedah persampelan itu selamat dan tidak invasif berbanding persampelan dengan kaedah *nasopharyngeal* serta *oropharyngeal swab* iaitu melalui saluran hidung dan mulut.

"KKM telah mendapat kelulusan secara prinsip daripada IMR untuk gunakan kaedah persampelan guna air liur ini di fasiliti Kesihatan iaitu hospital kerajaan terlebih dahulu.

"Persampelan COVID-19 melalui air liur ini juga akan mempercepat dan meningkatkan saringan COVID-19," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan 2.7 juta picagari jenis *low dead-volume* bernilai RM891,000 daripada Etiqa Family Takaful Berhad, di Kementerian nya di sini, semalam.

Dr Adham berkata, kaedah persampelan menggunakan air liur itu bersifat *self-collected* iaitu dikumpul sendiri dan dijangka menjimatkan pemakaian penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE).

"Pesakit akan diminta menge-



Dr Adham (dua dari kiri) menerima sumbangan 2.7 juta picagari disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Family Takaful Berhad, Zafril Ab Halim pada majlis penyerahan sumbangan di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

luarkan sendiri air liur ke dalam cawan spesimen dan cawan itu kemudiannya akan dihantar ke makmal untuk diuji," katanya.

Dr Adham berkata, kaedah persampelan menggunakan air liur ini sesuai bagi ujian *Real-Time Reverse Transcriptase-PCR (RT-PCR)* COVID-19.

"Sekarang, IMR sedang melengkapkan kajian penggunaan sampel air liur untuk ujian RTK antigen (RTK Ag)," katanya, sambil menambah persampelan melalui hidung dan mulut masih lagi digunakan untuk mengesan COVID-19.

Beliau berkata, persampelan bagi ujian COVID-19 dengan menggunakan air liur telah dijalankan di beberapa negara dan ia terbukti lebih murah dan menjadi antara kaedah mengumpul sampel paling konsisten.

Dalam pada itu, Dr Adham berkata Malaysia tertarik dengan vaksin COVID-19 keluaran Johnson & Johnson berikutan penerima hatinya memerlukan satu dos.

"Vaksin Johnson & Johnson menggunakan kaedah satu dos

Persampelan COVID-19 melalui air liur ini juga akan mempercepat dan meningkatkan saringan COVID-19.

Dr Adham Baba, Menteri Kesihatan

dan ia sangat menarik untuk digunakan," katanya.

Kelahiran, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin berkata kerajaan akan menandatangani kontrak pemerolehan vaksin COVID-19 Johnson & Johnson dari Amerika Syarikat dalam masa terdekat.

Khairy berkata, makluman klinikal mengenai vaksin itu amat positif dan jemaah menteri, berdasarkan syor Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), membuat keputusan untuk membeli

vaksin terbabit. Mengulas lanjut mengenai vaksin itu, Dr Adham berkata, kerajaan masih belum menentukan jumlah vaksin yang akan diperoleh daripada Johnson & Johnson.

"Sotakat ini kita masih belum dapat terma, namun rundingan dibuat dan kita tengah tunggu beberapa tindakan daripada pihak pengeluar khusus untuk kita dapatkan maklumat teknikal dan dosir vaksin tersebut," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, semua picagari yang diterima semalam akan digunakan bagi pelaksanaan fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula pada 26 Februari ini memabutkan kira-kira 500,000 petugas barisan hadapan.

"Sumbangan ini setidak-tidaknya dapat membantu usaha kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 di negara ini selain menjadi contoh yang baik kepada syarikat korporat yang boleh turut sama dalam membantu kerajaan," katanya.

BERNAMA

Persiapan akhir terima bekalan lancar

Kuala Lumpur: Persiapan akhir bagi menerima bekalan pertama vaksin COVID-19 dari syarikat farmaseutikal Pfizer-BioNTech pada lusa, berjalan lancar.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim, berkata persiapan rapi termasuk sesi latihan yang dilaksanakan sebe-

lum ini merangkumi proses penghantaran vaksin ke-kemudahan penyimpanan dan ke negeri lain, juga berjalan lancar.

Katanya, petugas kesihatan terbabit dalam prosedur suntikan turut diberikan latihan secukupnya.

"Melalui *dry-run* (latihan) ini, kita dapat kenal pasti masalah yang dihadapi dan penyelesaiannya. Pada hari kelibasan vaksin itu nanti, semuanya diharapkan

akan berjalan dengan lancar.

"Bahagian perolehan KKM juga mendapat bekalan sebanyak 55 peti penyejuk beku untuk menyimpan vaksin dan ditempatkan di pusat-pusat simpanan vaksin yang dikenal pasti," katanya, kelmarin.

Beliau berkata, persiapan logistik KKM juga sudah bersedia sepenuhnya menerusi atur gerak yang dilaksanakan Bahagian

Perkhidmatan Farmasi, bagi memastikan vaksin disimpan dengan baik.

Selain itu, Dr Hishamshah berkata, peti simpanan suhu ultra rendah yang sedia ada turut ditempatkan di kemudahan penyimpanan vaksin KKM dan kemudahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), sebagai tambahan bagi peti penyimpanan vaksin.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Penyelidik desak tangguh suntikan dos kedua Pfizer

Pengkaji dakwa keberkesanan 92.6 peratus dos pertama sudah memadai

Paris: Kumpulan penyelidik mencadangkan kerajaan menangguhkan suntikan dos kedua vaksin COVID-19 Pfizer Inc (Pfizer) kerana mendakwa dos pertama dengan kadar keberkesanan 92.6 peratus sudah memadai.

Dua penyelidik, Damuta Skowronski dan Gaston De Serres, kemarin mendedahkan dapatan itu berdasarkan dokumen Pfizer yang diserahkan kepada Pentadbiran Makanan dan Dadah (FDA) Amerika Syarikat (AS).

Menurut mereka, dapatan itu



turut menyamai saranan keberkesanan dos pertama bagi vaksin Moderna mRNA-1273 lalu sehingga 92.1 peratus.

Mereka berkata demikian dalam surat diterbitkan Jurnal Perubatan New England, boleh dilihat di pautan <https://www>

[nejm.org/doi/full/10.1056/NEJM2003242](https://www.nejm.org/doi/full/10.1056/NEJM2003242).

Mereka turut mengingatkan bahawa wujud ketidakpastian mengenai berapa lama seseorang akan dilindungi selepas suntikan, dos pertama, namun suntikan dos kedua selepas sebulan tidak

akan memberi manfaat besar dalam jangka pendek.

"Melihat kepada kekurangan vaksin sekarang, penangguhan suntikan kedua menjadi isu keselamatan negara.

"Sekiranya ini diabaikan, mungkin ribuan lagi akan dijangkiti atau maut akibat COVID-19 ketika musim sejuk melampau di AS sekarang," katanya.

Pfizer, ketika diminta mengulas mengenai perkara itu, berkata kelompok dos alternatif vaksinnya belum dapat dinilai dan keputusan itu bergantung kepada pihak kesihatan.

"Kami di Pfizer percaya sangat penting untuk pihak berkuasa kesihatan melakukan pengawasan terhadap jualan pemberian dos alternatif.

"Ini bagi memastikan vaksin yang diberikan menyediakan perlindungan yang maksimum kepada orang awam," katanya.

AGENSI

25 kes kematian, catat rekod tertinggi

Putrajaya: Malaysia catat kes kematian tertinggi disebabkan oleh COVID-19 semalam iaitu sebanyak 25 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun dan seorang wanita berusia 100 tahun antara kes kematian yang dilaporkan semalam.

Dr Noor Hisham berkata kanak-kanak berkenaan meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent, Sandakan serta mempunyai sejarah penyakit barah otak.

"Wanita warga asing yang berusia 100 tahun itu pula meninggal dunia di Hospital Shah Alam dan mempunyai penyakit darah tinggi, jantung, anemik, strok dan buah pinggang kronik.

"Pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 1,030 kes. Kes kematian itu membabitkan 21 warganegara dan empat warga asing," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambah Dr Noor Hisham, kes kematian yang dilaporkan semalam membabitkan 15 kes di Selangor, masing-masing tiga kes di Sarawak dan Sabah, dua kes di Kuala Lumpur serta masing-masing satu kes di Johor dan Putrajaya.

Sementara itu, bagi kes baharu Dr Noor Hisham berkata sebanyak 2,712 dilaporkan semalam dan Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi iaitu 1,013 kes.

"Daripada jumlah ini, 795 (78.5 peratus) adalah daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti oleh Johor sebanyak 426 kes (15.7 peratus) serta Kuala Lumpur dengan 212 kes (7.8 peratus). Selain itu sebanyak 43 kes atau 1.6 peratus yang dilaporkan berkait dengan kluster dalam penjara, lokap, dan depot tahanan imigrasi," katanya.

Antara kluster dalam tahanan yang melaporkan kes baharu semalam ialah Kluster Tembok Bendera (19 kes), Kluster Telok Mas (11 kes) dan Kluster Tembok Sungai Udang (Japan kes).

Selain itu masing-masing satu kes dalam Kluster Tembok Pengkalan Chepa, Kluster Matambai, Kluster Penjara Krayan, Kluster DTI Sepang dan Kluster Penjara Seberang Perai.

Sehingga kini 227 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 108 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata terdapat 17 kluster yang dikenal pasti dan 14 daripadanya berpuncu di tempat kerja serta masing-masing satu dalam kalangan komuniti, aktiviti keagamaan dan kumpulan berisiko tinggi.

Vaksin untuk pendatang asing elak jangkiti komuniti setempat

Putrajaya: Pelalian COVID-19 terhadap pendatang asing tanpa izin (PATI) terpaksa dilakukan bagi mengelak kemungkinan mereka menjangkiti komuniti setempat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jika itu berlaku, ia dikuatir akan merencatkan usaha kerajaan membendung penularan COVID-19.

Sehubungan itu, katanya, pelalian ke atas PATI dijangka dibuat pada Fasa Keempat Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan menyasarkan penggunaan vaksin satu dos.

"Melindungi semua orang sebelum dapat melindungi diri sendiri adalah konsep kita mahu guna pakai bagi melihat keberkesanan vaksinasi bagi seluruh negara.

"Kita melihat kepada vaksin satu dos dan sekali sahaja kita jumpa (PATI). Bagi vaksin satu dos, kita ada dua dalam pasaran, iaitu Canisio Biologics Inc dan Johnson & Johnson (J&J) dan ia sesuai digunakan untuk PATI dan pekerja asing.

"Kalau kita asingkan satu golongan divaksin, manakala satu lagi tidak (PATI), maka PICK kita tidak akan berjaya," katanya ketika sesi Libat Urus COVID-19 bersama Ketua Pengarah Kesihatan di sini, semalam.

Mengenai pendekatan kerajaan tidak mahu menahan PATI bagi tujuan vaksinasi, Dr Noor Hisham berkata, ia dirangka bagi mengelak penularan jangkitan COVID-19 di depoh tahanan atau penjara.

"Kalau kita tangkap PATI dan tempatkan mereka di penjara atau depoh tahanan sementara imigrasi, jangkitan akan menular di lokasi berkenaan.

"Kita sudah tengok pada gelombang kedua dan ketiga, jangkitan bermula di penjara, kemudian menjangkiti penjaja atau orang memasuki penjara dan mereka balik rumah jangkiti keluarga serta komuniti pula," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, fokus Kementerian Kesihatan kini menjurus untuk memberi penerangan kepada antara 16 hingga 17 peratus golongan atas pagar berhubung keselamatan dan ke-

berkesanan vaksin.

Katanya, ia bagi mencapai sasaran kerajaan untuk memberi vaksin kepada 70 hingga 80 peratus populasi negara ini untuk mencapai imuniti kelompok terhadap jangkitan COVID-19.

"Kita kena perhebat libat urus dengan golongan atas pagar. Kalau mereka ada isu, soalan atau keraguan, boleh tanya pada hotline kita dan media juga perlu memainkan peranan untuk meyakinkan mereka.

"Kita juga boleh guna pengalaman negara lain untuk meyakinkan mereka, contohnya di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat. UK sudah vaksin 15 juta rakyatnya dan tidak banyak mendaftarkan kesan sampingan.

"Bagi golongan antivaksin pula, pendirian kita selari dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu untuk tidak menghairankan mereka yang mungkin hanya lima peratus daripada populasi di negara ini," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan memiliki hak perolehan mutlak bagi vaksin COVID-19, sekali gus

Melindungi semua orang sebelum dapat melindungi diri sendiri adalah konsep kita mahu guna pakai bagi melihat keberkesanan vaksinasi bagi seluruh negara.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NASIONAL

Proses fucuk di tapak bekas kandang babi

Pemilik abai kebersihan, pelbagai haiwan dibiarkan berkeliaran

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Nibong Tebal: Meloyakan apabila empat perusahaan memproses fucuk secara tradisional yang diusahakan sebuah keluarga di Valdor, Sungai Bakap, di sini mengabaikan tahap kebersihan dengan membiarkan pelbagai haiwan berkeliaran hingga menandakan produk makanan yang dikeluarkan.

Bukan itu sahaja, semua premis berkenaan didapati didirikan di atas tapak bekas kandang babi, sekali gus menyebabkan kawasan berkenaan dihurungi lalat bahkan terdapat lalat mati dalam peralatan memproses bahan makanan itu.

Operasi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) kira-kira pada jam 10 pagi semalam, mendapati empat perusahaan itu beroperasi memproses fucuk antara lapan hingga 40 tahun lalu tanpa lesen daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Tinjauan di empat premis yang terletak dalam ladang sawit itu mendapati semua pemilik dari pekerja mengabaikan kebersihan dengan tidak mengendalikannya produk fucuk dengan baik apa-



Mohd Wazir menunjukkan fucuk dihurungi lalat ketika melakukan pemeriksaan di empat perusahaan memproses fucuk secara tradisional di Valdor, Sungai Bakap, Nibong Tebal, semalam.

(Foto Dania Saad/BH)

bila tidak memakai apron, topi dan sarung tangan, selain ada yang menggunakan mesin membersihkan kacang soya yang sudah berkeladak serta bersawang.

Selain itu, produk fucuk yang dikeluarkan daripada empat label berbeza itu didapati tiada logo halal pada plastik pembungkusan.

Pegawai Kesihatan BKBM JK-NPP, Mohd Wazir Khalid, berkata serbuan dijalankan berikutan hasrat risikan dan pemantauan pihaknya sejak tiga minggu lalu.

"Melalui serbuan, semua premis itu dibuka secara berperingkat di atas tanah berstatus pertanian yang ia tidak sepatutnya wujud walaupun tanah sendiri, apatah lagi tidak mendapat kebenaran daripada PBT memandangkan mahu membina premis berasaskan makanan.

"Disebabkan kewujudan premis ini atas tanah pertanian, kawasan berkenaan dipenuhi lalat dan paling teruk membiarkan pula pelbagai haiwan antaranya anjing dan kucing berkeliaran dalam premis itu menyebabkan tahap kebersihan diabaikan, bimbang masyarakat yang memakan produk ini mendapat keracunan makanan," katanya ketika operasi di keempat-empat premis itu, di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, berikutan kesalahan berkenaan pihaknya mengeluarkan lima kompaun mengikut Peraturan 32 Akta Makanan 1963 ke atas pemilik premis terbabit berjumlah RM8,500.

"Kita turut memberi amaran keras serta nasihat kepada semua pemilik premis supaya mengambil tindakan pembersihan se-

gera berikutan produk fucuk itu bukan sahaja dipasarkan di kedai-kedai runcit sekitar Pulau Pinang bahkan juga memasuki Kedah," katanya.

Sementara itu, Mohd Wazir berkata, dalam operasi sama pihaknya turut mengeluarkan dua kompaun RM5,000 terhadap pemilik kedai runcit yang dikenali sebagai seorang lelaki warga Pakistan yang berkahwin dengan wanita tempatan sejak 19 tahun lalu di Sungai Bakap, di sini.

"Kompaun itu dikeluarkan selepas pemeriksaan mendapati tahap kebersihan dan penyimpanan barangan tidak menepati syarat, selain merampas makanan ringan dan snek makanan yang dianggarkan bernilai RM200 yang didapati sudah tamat tempoh," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Dua PKRC swasta di Johor bakal dibuka

Pasir Gudang: Sebanyak dua Pusat Kuarentina dan Rawatan Covid-19 (PKRC) swasta di Johor dijangka beroperasi awal Mac ini bagi menempatkan pesakit Covid-19 bukan warganegara.

Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad berkata, sehingga kini ia masih di peringkat awal bagi mendapatkan kehilusan proses permohonan membatikakan dua lokasi iaitu di Iskandar Puteri dan Kota Tinggi.

Ini PKRC swasta yang pertama seumpamanya di Johor. Hotel di Iskandar Puteri boleh menempatkan 250

pesakit Covid-19 manakala sebuah lagi iaitu asrama pekerja di Kota Tinggi, boleh menempatkan lebih ramai.

"Ada peraturan yang perlu dipatuhi untuk penempatan pekerja asing selain pendatang asing tanpa izin (Pati), mungkin boleh letak di PKRC jika bersesuaian dan kos akan ditanggung majikan atau pesakit sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di PKRC Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) di sini, semalam.

506 kluster aktif

Kes positif koronavirus menurun namun kes kematian tinggi

Oleh Ekhwan-Haque Faziul Haque
ekhwan@hmmetro.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun kes baharu Covid-19 merekodkan sedikit penurunan iaitu 2,712 kes namun Malaysia mencatatkan kes kematian tertinggi semalam iaitu 25 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu itu, 2,708 kes membatikakan warga tempatan manakala bakiinya warga asing.

Menurutnya, kes sembuh Covid-19 semalam sebanyak 5,320 kes melebihi angka bagi kes positif.

"Kes kematian merekodkan 25 kes manakala 227 kes masih menerima rawatan lanjut di unit rawatan rapi."

"Pesakit meninggal dunia membatikakan usia tiga tahun hingga 82 tahun dengan majoritinya mempunyai sejarah pesakit kronik."

"Selain itu, 103 pesakit masih menerima rawatan dengan menggunakan bantuan mesin pernafasan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal menjadi penyumbang kes positif tertinggi semalam iaitu 1,013 kes dengan 795 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat.

Katanya, kes positif kedua tertinggi direkodkan di Johor dengan 426 kes

2,712
Jumlah kes baharu Covid-19 dicatatkan semalam

diikuti Kuala Lumpur sebanyak 212 kes.

"Terdapat 17 kluster baharu yang dikenal pasti hari ini membatikakan 14 kluster berkaitan tempat kerja serta masing-masing satu kluster kumpulan berisiko tinggi

keagamaan dan komuniti. Sebanyak 10 kluster terhad hari ini (semalam) dengan 506 kluster masih aktif," katanya.

Beliau berkata, kluster aktif direkodkan semalam membatikakan masing-masing lima di Selangor dan Johor, Sabah (dua) selain satu kluster di Perak, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Jumlah penumpang boleh ikut kapasiti kenderaan

Kuala Lumpur: Ramai menarik nafas lega apabila kerajaan membenarkan jumlah penumpang berdasarkan kapasiti kenderaan dinaiki mulai hari ini.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ke-longgaran itu untuk semua kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP).

"Kita mendengar pandangan dan rayuan ramai supaya membenarkan jumlah penumpang mengikut tempat duduk kenderaan," kata Mesyuarat



Mesyuarat hari ini (semalam) bersetuju mulai esok (hari ini) semua kawasan dibenarkan makan di kedai berdasarkan keluasan meja makan"

Ismail Sabri Yaakob

teknikal hari ini (semalam) bersetuju membenarkannya.

"Jumlah penumpang mengikut kapasiti kenderaan itu dibenarkan di semua kawasan termasuk di PKP," katanya dalam sidang media semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan juga membenarkan pelanggan untuk menikmati hidangan di restoran mengikut saiz atau kapasiti meja makan bermula hari ini.

Beliau berkata, kebenaran itu untuk semua premis makanan di kawasan PKP, PKPB dan PKPP.

"Sebelum ini, makan di kedai kawasan PKP hanya dua orang satu meja ditandakan manakala PKPB dan PKPP mengikut kapasiti meja makan."

Mesyuarat hari ini (semalam) bersetuju mulai esok (hari ini) semua kawasan dibenarkan makan di kedai berdasarkan keluasan meja makan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ia mestilah mempunyai penjarakan fizikal satu meter.



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Saringan Covid-19 guna sampel air liur



PENSAMPELAN air liur akan mempercepatkan ujian saringan Covid-19 berbanding ujian calitan. - GAMBAR HIASAN

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) akan memulakan ujian Covid-19 menggunakan persampelan air liur (deep throat swab) di beberapa hospital kerajaan dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kaedah persampelan itu selamat dan tidak invasif berbanding persampelan dengan kaedah nasopharyngeal serta oropharyngeal iaitu calitan melalui hidung dan mulut.

Kaedah persampelan menggunakan air liur ini sesuai bagi ujian Real-Time Reverse Transcriptase-PCR (RT-PCR) Covid-19.

"IMR sedang melengkapkan kajian penggunaan sampel air liur untuk ujian RTK antigen (RTK Ag)," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Terdahulu, Adham menerima sumbangan 2.7 juta picagari khas jenis low dead-volume untuk vaksin Pfizer berjumlah RM891,000

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	2,712
Import	4
Tempatan	2,708
Jumlah	2,716

- Kematian: 25
- Masih dirawat: 38,764
- Jumlah kes sembuh: 235,082
- Jumlah kerjataan: 1,030

Jumlah kes keseluruhan: 274,875

daripada Ethica Family Takaful Berhad sebagai persediaan menghadapi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang bermula 26 Februari ini.

Sementara itu, Adham berkata, kaedah persampelan menggunakan air liur itu bersifat self-collected iaitu dikumpul sendiri dan dijangka menjimatkan pemakaian penggunaan peralatan pelindungan diri (PPD).

"Persampelan melalui air liur ini juga akan mempercepat dan meningkatkan saringan Covid-19" katanya.

Beliau berkata, persampelan bagi ujian Covid-19 dengan menggunakan air liur telah dijalankan di beberapa negara dan ia terbukti lebih murah dan menjadikannya antara kaedah mengumpul sampel paling konsisten.

"Kaedah ini akan ditularkan di peringkat hospital sebelum diperluas ke fasiliti kesihatan lain," katanya.

Tambah Adham, menerusi kaedah itu, pesakit diminta mengeluarkan sendiri air liur ke dalam cawan specimen dan cawan itu kemudiannya akan dihantar ke makmal untuk diuji saringan Covid-19.

25 kematian rekod tertinggi, 2,712 kes

PUTRAJAYA - Negara mencatatkan 25 kes kematian semalam sekali gus memecahkan rekod tertinggi pada 8 Februari lalu menjadikan angka kes kematian Covid-19 di Malaysia sebanyak 1,030 kes.

Kes kematian di Selangor adalah yang tertinggi dengan 15 kes termasuk satu kes melibatkan wanita warga asing berusia 100 tahun yang mempunyai sejarah penyakit darah tinggi, jantung, anemia, strok dan buah pinggang kronik di Hospital Shah Alam.

Kematian lain direkodkan di Sabah dengan tiga kes termasuk kanak-kanak tiga tahun bukannya warganegara yang menderita barah otak diikuti Sarawak (3), Kuala Lumpur (2) dan masing-masing satu di Johor dan Putrajaya.

Pada masa sama, sebanyak 2,712 kes baharu dilaporkan semalam dengan Selangor kekal mencatatkan kes baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,013 dengan 795 daripadanya kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan diikuti Johor (426) dan Kuala Lumpur (212).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 94 kluster melaporkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi melibatkan Kluster Kebun Baru (188 kes), Kluster Jalan Changkat Jong (158 kes) dan Kluster Selambau (155 kes).

"Sebanyak 17 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 14 kluster berkaitan tempat kerja dan selebihnya lain-lain jangkitan," ujarnya.



KERJA sanitasi dilakukan di Kompleks Sukan Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Masyarakat diingatkan supaya tidak sebarkan maklumat kelirukan orang ramai.

Borang suntik vaksin belum diedar

PUTRAJAYA -- Borang persetujuan suntikan vaksin Covid-19 yang muktamad akan diedarkan kepada bakal penerima vaksin dalam tempoh terdekat bermula dengan penerima vaksin bagi fasa pertama.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sehubungan itu, masyarakat diingatkan supaya tidak menyebarkan maklumat tidak tepat yang boleh menimbulkan keresahan orang ramai.

"Pemberian suntikan vaksin Covid-19 adalah untuk memberikan perlindungan terhadap jangkitan Covid-19 serta mengurangkan kesan seseorang mendapat penyakit tersebut."

"Memandangkan pemberian suntikan vaksin adalah secara sukarela, borang persetujuan suntikan vaksin adalah dokumen yang digunakan untuk diberi kepada penerima bagi mereka menyatakan persetujuan penerimaan vaksin dengan rela hati," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, semua vaksin yang akan memasuki Malaysia akan dinilai terlebih dahulu daripada segi kualiti, keberkesanan dan ke-



SUNTIKAN vaksin kepada rakyat Malaysia bagi memberi perlindungan kepada jangkitan Covid-19. - GAMBAR HIASAN

selamatannya oleh pihak Bahagian Regulatori Farmasi Negara.


"Selain itu, melalui pelaporan yang diperolehi daripada negara-negara yang telah melaksanakan pemberian vaksin Covid-19, vaksin ini adalah selamat digunakan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, bertubung borang persetujuan suntikan vaksin Covid-19 yang tular di media sosial, ia bukan merupakan borang persetujuan yang muktamad yang

akan diguna pakai dalam pemberian suntikan vaksin Covid-19.

Semalam, Kosmo melaporkan, Kementerian Kesihatan (KKM) menjelaskan tidak pernah mengeluarkan borang persetujuan bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan seperti tular di media sosial.

KKM menerusi hantaran di Facebook berkata, maklumat palsu itu kondisinya mengaitkan KKM mengeluarkan Borang Persetujuan Suntikan Covid-19.




KKM menafikan mengeluarkan borang persetujuan suntikan vaksin Covid-19 seperti yang tular di media sosial.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : K2



SEPANJANG 12 jam, Yousaf Khan terjual lampu kaca perhiasan di Pasar Old Souk, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), dia gagal mendapat seorang pun pelanggan.

Pusat jualan yang sering menjadi tumpuan pelawat seberang laut mendapatkan cenderamata itu menjadi sunyi sepi disebabkan penyebaran pandemik Covid-19 ketika ini.

